

## **PENGARUH PERANAN GENDER DALAM CORAK PENGGUNAAN INTERNET DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

*(Influence Of Gender Roles On Internet Usage Patterns Among Universiti Putra Malaysia Students)*

Hafiz Rahman, Noor Rahamah Hj. Abu Bakar, Sivapalan Selvadurai, Mohd Yusof Hussain

### **ABSTRAK**

Perkembangan internet yang semakin pesat telah menyebabkan wujudnya jurang perbezaan ilmu antara golongan yang mempunyai akses mudah kepada maklumat dan golongan yang sukar mendapat akses kepada maklumat. Golongan yang sukar mendapat akses kepada maklumat ini akan ketinggalan dari segi ekonomi, politik dan pendidikan. Wanita umumnya adalah tergolong dalam kalangan mereka yang ketinggalan. Malah peranan gender telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi corak penggunaan internet. Dalam konteks ini kajian ini menampilkan empat objektif: pertama mengenalpasti corak penggunaan internet, kedua meninjau pandangan terhadap peranan gender, ketiga menjelaskan sama ada terdapat perbezaan tahap kebimbangan terhadap komputer dan keempat menjelaskan korelasi antara pandangan terhadap peranan gender, tahap kebimbangan terhadap komputer dan corak penggunaan internet. Seramai 280 orang pelajar dari Fakulti Ekologi Manusia, UPM dipilih sebagai responden menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis tidak berkadar. Pengumpulan data dilakukan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Hasil kajian menunjukkan corak penggunaan internet bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah berbeza dari segi tempoh penggunaan dan aktiviti internet yang dilakukan. Meskipun pelajar lelaki mempunyai pandangan peranan gender yang lebih tradisional berbanding pelajar wanita namun tiada perbezaan signifikan ( $p > 0.05$ ) bagi tahap kebimbangan terhadap komputer. Analisis korelasi mendapati dalam kalangan pelajar wanita, semakin tradisional pandangan terhadap peranan gender, semakin tinggi tahap kebimbangan terhadap komputer. Secara umumnya kajian ini mendapati peranan gender mempengaruhi corak penggunaan internet tetapi ia bukan disebabkan oleh tahap kebimbangan terhadap komputer. Dapatan kajian ini bukan saja diharap dapat menambahkan pemahaman daripada perspektif gender mengenai tingkah laku dalam pengendalian maklumat, tetapi juga membantu dalam menilai kejayaan inisiatif kerajaan Malaysia merapatkan jurang digital antara gender.

**Kata kunci:** Peranan Gender, Kebimbangan terhadap Komputer, Corak Penggunaan Internet, Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan

## **ABSTRACT**

*The increasingly rapid development of the internet has created a knowledge gap between those with good access and those with poor access to information. The latter will be left behind in terms of economic, political and educational opportunities. Women belong to this group. Indeed, gender role has been identified as one of the factors influencing internet usage patterns. In this context, the four objectives of this study were to identify internet usage patterns, to observe views on gender role, the level of computer anxiety and to explain the correlation between views on gender role, level of computer anxiety and internet usage patterns. A total of 280 students from the Faculty of Human Ecology, UPM were selected as respondents for this study using a non-proportional stratified random sampling method. Data collection was conducted by distributing questionnaires to the respondents. The findings showed that internet usage patterns for male and female students were different in terms of duration and internet activities. Although male students had a more traditional view of gender role compared to female students there was no significant difference ( $p>0.05$ ) in the level of computer anxiety. In correlation analysis, female students with traditional views on gender role had a higher level of computer anxiety. In general, this study found that gender roles influenced internet usage patterns, but it was not due to the level of anxiety towards computers. The implications of such findings are not just that they would add to the understanding of gender behavior in the handling of information, but also would allow lawmakers to assess the success of government initiatives in bridging the digital divide between genders.*

**Keywords:** Gender Role, Computer Anxiety, Internet Usage Patterns, Male and Female

## **PENGENALAN**

Perkembangan internet yang semakin pesat boleh menyebabkan wujudnya jurang perbezaan ilmu antara mereka yang kaya maklumat dan miskin maklumat. Mereka yang tergolong dalam kumpulan miskin maklumat ini akan ketinggalan (Iskandarani 2008). Tambahan pula untuk menjadi sebuah negara maju pelajar perlu dilengkapi dengan ilmu teknologi komunikasi maklumat memandangkan persaingan pekerjaan pada abad 21 bukan lagi datang daripada dalam negara sebaliknya ia melibatkan seluruh dunia (Berry 2013).

Masalah wujudnya perbezaan dalam penggunaan internet ini selalunya dikaitkan dengan jurang digital (*digital divide*), iaitu isu sosial yang merujuk kepada jumlah perbezaan maklumat di antara mereka yang mempunyai akses kepada internet (akses jalur lebar) dan mereka yang tidak mempunyai akses. Secara umumnya jurang digital ini terjadi disebabkan oleh gender, umur, etnik, status sosial ekonomi, kawasan geografi dan tahap pendidikan (Servon 2002). Daripada pelbagai sebab ini, fokus kajian hanya mengkaji daripada perspektif jurang digital dalam kalangan gender, iaitu dari segi kadar akses dan penggunaan antara lelaki dan perempuan. Secara amnya kajian lepas mendapati meskipun terdapat perbezaan gender dalam penggunaan internet namun lelaki masih lagi mendominasi dari segi penggunaan internet. Antaranya lelaki didapati lebih kerap menggunakan internet diluar waktu sekolah (Colley & Comber 2003) dan pelajar lelaki juga lebih yakin terhadap keupayaan mereka menggunakan komputer (Cooper &

Weaver 2003). Jurang digital dalam kalangan gender ini masih lagi berlaku walaupun dari segi peluang untuk mengakses internet jurangnya adalah semakin kecil (Cooper 2006).

Sungguhpun terdapat pelbagai usaha untuk merapatkan jurang digital, namun kaedah yang berkesan masih belum lagi ditemui. Ini kerana walaupun jurang akses kepada komputer dan internet dapat dikecilkan, namun perbezaan dalam penggunaan masih lagi berlaku (Selwyn 2004). Beberapa ahli akademik mendapati jurang perbezaan digital antara gender berlaku disebabkan oleh pengaruh peranan gender yang telah dibentuk sejak dari kecil lagi. Persekitaran keluarga mempunyai pengaruh besar dalam mengukuhkan stereotaip gender terhadap penggunaan dan persepsi terhadap internet (McMillan & Morrison 2006).

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa kajian lepas berkenaan jurang digital berasaskan gender dari pelbagai sudut dan tempat, Cooper (2006) mendapati pembentukan peranan gender yang negatif terhadap teknologi sejak dari kecil lagi menyebabkan jurang digital dalam kalangan perempuan akan terus terjadi dan ia diperkukuhkan lagi oleh sosialisasi masyarakat. Cooper (2006) turut mengaitkan kajian lepas yang berkaitan dengan tahap kebimbangan terhadap komputer (*computer anxiety*) sebagai penunjuk kesan pengaruh peranan gender yang negatif dalam kalangan perempuan kepada sebab mengapa lelaki dilihat sebagai masih lagi mendominasi teknologi. Berbeza dengan kajian yang dibuat di Malaysia oleh Munusamy dan Ismail (2009), kajian ini mengaitkan faktor masa sebagai penunjuk kepada pengaruh peranan gender.

Di Malaysia kajian gender dan internet kebanyakan lebih tertumpu kepada kepada perbezaan penggunaan internet antara lelaki dan perempuan tetapi tidak mengkaji tentang pengaruh peranan gender dalam penggunaan internet. Kajian yang menilai pengaruh peranan gender dengan internet telah dibuat oleh Munusamy dan Ismail (2009) dan mendapati berbanding pensyarah lelaki, pensyarah perempuan menghadapi masalah kekangan masa untuk mengakses internet di rumah akibat peranan mereka sebagai ibu dan isteri. Walau bagaimanapun kajian ini menilai daripada perspektif pensyarah yang menggunakan internet di rumah, malahan kajian ini turut dijalankan secara kualitatif iaitu melalui temubual mendalam. Oleh sebab itu satu kajian lain perlu dijalankan bagi melihat pengaruh peranan gender dalam internet daripada perspektif yang berbeza.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah untuk meninjau corak penggunaan internet dalam kalangan pelajar prasiswazah lelaki dan perempuan Universiti Putra Malaysia dan meninjau pandangan mereka terhadap peranan gender dalam mempengaruhi corak penggunaan internet mereka. Di samping itu kajian ini turut meninjau sama ada terdapat perbezaan tahap kebimbangan terhadap komputer antara pelajar lelaki dan perempuan. Dengan mengenal pasti peranan gender dalam mempengaruhi corak penggunaan internet serta tahap kebimbangan terhadap komputer, diharap dapat membolehkan penggubal undang-undang untuk menilai kejayaan inisiatif kerajaan dalam merapatkan jurang digital. Di samping itu kajian ini diharap juga dapat menambahkan pemahaman daripada perspektif gender mengenai tingkahlaku dalam pengendalian maklumat yang mungkin dapat membantu dalam memahami perbezaan gender atau merapatkan jurang gender dalam penggunaan internet.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk menilai sama ada peranan gender mempengaruhi corak penggunaan internet dalam kalangan pelajar prasiswazah lelaki dan perempuan di UPM.

### **Objektif Khusus:**

- 1) Mengenalpasti corak penggunaan internet dalam kalangan pelajar prasiswazah lelaki dan perempuan dari aspek tujuan penggunaan, berapa lama telah menggunakan internet, kekerapan penggunaan internet sehari, purata jam penggunaan internet dalam seminggu, jenis peranti yang selalu digunakan untuk mengakses internet, jenis aktiviti internet yang kerap dilakukan.
- 2) Menjelaskan sama ada terdapat perbezaan tahap kebimbangan terhadap komputer (*computer anxiety*) antara pelajar lelaki dan perempuan.
- 3) Meneliti pandangan terhadap peranan gender dalam kalangan pelajar prasiswazah lelaki dan perempuan.
- 4) Menjelaskan korelasi antara pandangan terhadap peranan gender, tahap kebimbangan terhadap komputer dan corak penggunaan internet dalam kalangan pelajar prasiswazah lelaki dan perempuan.

## **METODOLOGI**

Penyelidikan yang dijalankan adalah kuantitatif di mana reka bentuk kajian adalah kajian survei dan maklumat diperoleh menerusi borang soal selidik. Responden yang terlibat dalam penyelidikan ini ialah pelajar prasiswazah lelaki dan perempuan sepenuh masa Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia daripada pelbagai jurusan. Bagi mendapatkan saiz sampel yang sesuai pengkaji telah menggunakan kaedah Israel (1992) dalam menentukan saiz sampel. Melalui kaedah tersebut, seramai 279 responden diperlukan bagi sampel ini. Pemilihan responden dibuat menggunakan prosedur pensampelan rawak berlapis tidak berkadar (*disproportionate stratified random sampling*) (Babbie 2008). Bersandarkan kepada objektif kajian ini yang secara amnya adalah untuk membuat perbandingan antara lelaki dan perempuan, maka dengan sebab itu pemilihan responden bagi sub sampel lelaki dan perempuan adalah pada kadar yang sama iaitu 140 pelajar lelaki dan 140 pelajar perempuan. Responden telah dipilih menggunakan proses sampel rawak melalui SPSS

Borang soal selidik yang digunakan dibahagi kepada empat bahagian. Pada bahagian pertama berkaitan dengan maklumat demografi responden. Pada bahagian kedua borang soal selidik, berkenaan penggunaan internet dalam kalangan pelajar prasiswazah lelaki dan perempuan. Dalam bahagian ketiga borang soal selidik Computer Anxiety Rating Scale (Heinssen, et al.1987) yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu telah digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan terhadap komputer. Seterusnya bahagian keempat, borang soal selidik *The Social Role Questionnaire* (Baber 2006) telah digunakan untuk mengkaji pandangan

terhadap peranan gender dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan, juga telah di terjemah ke dalam Bahasa Melayu.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

### a. Demografi Responden

Taburan responden mengikut bangsa menunjukkan kebanyakan responden lelaki dan perempuan terdiri daripada bangsa Melayu diikuti Cina, India dan lain-lain (Jadual 1). Dapatan taburan ini selari dengan statistik taburan bangsa pelajar di Fakulti Ekologi Manusia UPM di mana jumlah pelajar Melayu adalah yang paling tinggi diikuti pelajar Cina dan India.

Jadual 1: Taburan ciri profil responden mengikut jantina

	Lelaki			Perempuan		
	n	Min	SP	N	Min	SP
Umur (tahun)						
Tahun pengajian 1	35	19.6 ±	0.1	35	19.7 ±	0.1
Tahun pengajian 2	35	20.6 ±	0.1	35	20.9 ±	0.1
Tahun pengajian 3	35	21.8 ±	0.1	35	21.7 ±	0.1
Tahun pengajian 4	35	23.8 ±	0.2	35	23.7 ±	0.1
Bangsa	Bilangan (n)	Peratus (%)		Bilangan (n)	Peratus (%)	
Melayu	110	78.5		112	80.0	
Cina	19	13.6		20	14.3	
India	3	2.0		3	2.1	
Lain-lain	8	6.0		5	3.4	

Keutamaan tujuan menggunakan internet menunjukkan tiada perbezaan signifikan ( $p > 0.05$ ) dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan meletakkan tujuan utama penggunaan internet adalah untuk mencari maklumat diikuti komunikasi, hiburan, perbankan dan akhir sekali jual-beli (Jadual 3.2).

### b. Meneliti Corak Penggunaan Internet

**i) Tujuan Penggunaan Internet**

Keutamaan tujuan menggunakan internet menunjukkan tiada perbezaan signifikan ( $p > 0.05$ ) dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan (Jadual 2). Kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan meletakkan tujuan utama penggunaan internet adalah untuk mencari maklumat diikuti komunikasi, hiburan, perbankan dan akhir sekali jual-beli.

Jadual 2: Perbezaan keutamaan tujuan menggunakan internet dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan

Tujuan	Lelaki n=140	Perempuan n=140	Nilai khi kuasa dua ( $X^2$ )	Nilai p
Komunikasi	32.7%	34.9%	0.610	0.894
Hiburan	20.4%	17.7%	2.583	0.630
Maklumat	44.3%	46.0%	1.442	0.837
Perbankan	1.0%	0.0%	3.372	0.498
Jual beli	1.0%	0.0%	1.600	0.809

**ii) Tempoh dan Kekerapan Menggunakan Internet**

Perbandingan berapa lama responden telah menggunakan internet berdasarkan jantina menunjukkan min pelajar lelaki lebih tinggi (8.34 tahun) berbanding pelajar perempuan (7.26 tahun) (Jadual 3). Perbezaan berapa lama telah menggunakan internet ini adalah signifikan,  $t(278) = 2.91$ ,  $p < 0.05$ . Terdapat perbezaan tempoh penggunaan internet dalam tahun antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Dari segi jumlah purata penggunaan internet sehari pula didapati pelajar lelaki lebih lama menggunakan internet dalam sehari (min = 5.02 jam sehari) berbanding pelajar perempuan (min = 4.15 jam sehari). Perbezaan ini adalah signifikan,  $t(278) = 2.37$ ,  $p < 0.05$ . Perbandingan kekerapan penggunaan internet dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan pelajar lelaki lebih kerap menggunakan internet berbanding pelajar perempuan. Skor kekerapan menggunakan internet diukur daripada skala 1 hingga 3 di mana skor rendah menunjukkan lebih kerap menggunakan internet. Min kekerapan menggunakan internet pelajar lelaki (1.15) adalah lebih rendah berbanding min skor kekerapan bagi pelajar perempuan (1.26) dan perbezaan ini adalah signifikan,  $t(278) = -2.24$ ,  $p < 0.05$ .

Jadual 3: Corak penggunaan internet dari segi tempoh dan kekerapan menggunakan internet mengikut jantina

	Lelaki n=140		Perempuan n=140		Nilai t	Nilai p
	Min	S.P	Min	S.P		
Tempoh menggunakan internet ( <i>tahun</i> )	8.34	3.1	7.26	2.9	2.91	0.004
Purata penggunaan internet sehari ( <i>jam</i> )	5.02	3.1	4.15	2.7	2.37	0.019

Kekerapan penggunaan internet dalam seminggu ( <i>Skala 1-3</i> )	1.15	0.4	1.26	0.5	-2.24	0.026
---	------	-----	------	-----	-------	-------

### iii) Peranti yang Selalu Digunakan untuk Mengakses Internet

Perbandingan peranti yang selalu digunakan untuk mengakses internet berdasarkan jantina menunjukkan tiada perbezaan signifikan,  $X^2(3) = 4.63$ ,  $p > 0.05$ . Kebanyakan pelajar lelaki dan perempuan menyatakan komputer riba sebagai peranti yang selalu digunakan untuk mengakses internet diikuti telefon bimbit dan komputer desktop (Jadual 4).

Jadual 4: Peranti yang selalu digunakan untuk mengakses internet

	Lelaki n=140		Perempuan n=140		Nilai khi kuasa dua	Nilai p
	n	%	n	%		
Telefon bimbit	25	17.7	27	19.2	4.63	0.20
Komputer desktop	12	8.3	4	3.0		
Komputer riba	102	72.9	105	74.9		
Komputer tablet	1	1.0	4	3.0		

### iv) Perbandingan penggunaan internet lelaki dan perempuan

Perbandingan corak aktiviti penggunaan internet berdasarkan jantina menunjukkan terdapat beberapa aktiviti penggunaan internet yang berbeza dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan (Jadual 3.7). Pelajar perempuan lebih kerap menggunakan internet untuk mencari maklumat tentang agama dan kesihatan berbanding pelajar lelaki. Perbezaan ini adalah signifikan,  $t(278) = 4.01$ ,  $p < 0.05$  bagi mencari maklumat tentang agama dan  $t(278) = 3.72$ ,  $p < 0.05$  bagi mencari maklumat tentang kesihatan. Pelajar perempuan juga didapati lebih kerap menggunakan internet untuk mencari maklumat tentang topik berkepentingan peribadi contohnya masalah perhubungan berbanding pelajar lelaki,  $t(278) = 2.66$ ,  $p < 0.05$ . Dari segi penggunaan rangkaian sosial pula, pelajar perempuan lebih kerap menggunakan internet untuk melayari Facebook dan sebagainya berbanding pelajar lelaki,  $t(278) = 2.24$ ,  $p < 0.05$ .

Bagi pelajar lelaki pula, berbanding pelajar perempuan mereka didapati lebih kerap menggunakan internet untuk mendapatkan berita tentang isu semasa,  $t(278) = -4.01$ ,  $p < 0.05$ , berita politik,  $t(278) = -6.64$ ,  $p < 0.05$ , berita sukan,  $t(278) = -9.34$ ,  $p < 0.05$  dan memeriksa sesuatu fakta dengan menggunakan internet,  $t(278) = -2.45$ ,  $p < 0.05$ . Pelajar lelaki juga didapati lebih kerap menonton video  $t(278) = -2.95$ ,  $p < 0.05$ , memuat turun lagu,  $t(278) = -4.02$ ,  $p < 0.05$  dan video,  $t(278) = -3.50$ ,  $p < 0.05$  dan bermain permainan dalam talian,  $t(278) = -2.42$ ,  $p < 0.05$  berbanding pelajar perempuan. Dari segi mencari maklumat, pelajar lelaki juga didapati lebih kerap menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat tentang produk dan perkhidmatan,

$t(278) = -2.39, p < 0.05$ , perancangan perjalanan,  $t(278) = -3.33, p < 0.05$  dan maklumat pekerjaan,  $t(278) = -2.39, p < 0.05$  berbanding pelajar perempuan. Di samping itu pelajar lelaki didapati lebih kerap menggunakan internet untuk urusan perbankan,  $t(278) = -3.56, p < 0.05$ , pembelian,  $t(278) = -3.67, p < 0.05$  dan penjualan produk dalam talian,  $t(278) = -4.45, p < 0.05$  serta menyertai perbincangan dalam talian seperti forum,  $t(278) = -2.24, p < 0.05$  berbanding pelajar perempuan.

### c. Pandangan Terhadap Peranan Gender

Analisis ujian t yang telah dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan,  $t(278) = 3.11, p < 0.05$  pandangan terhadap peranan gender dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki mempunyai pandangan terhadap peranan gender yang lebih tradisional berbanding pelajar perempuan (Jadual 5).

Jadual 5: Perbezaan pandangan terhadap kebimbangan kepada komputer dan pandangan terhadap peranan gender dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan

	Lelaki n=140		Perempuan n=140		Nilai t	Nilai p
	Min	Sisihan piawai	Min	Sisihan piawai		
Pandangan terhadap peranan gender	71.3	11.5	66.7	12.2	3.11	0.002
Tahap kebimbangan terhadap komputer	44.7	9.6	45.3	8.0	-0.50	0.617

### d. Korelasi antara pandangan terhadap peranan gender, tahap kebimbangan terhadap komputer dan corak penggunaan internet

Pandangan terhadap peranan gender dan tahap kebimbangan terhadap komputer menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan ( $r=0.150, p < 0.05$ ) iaitu semakin tinggi skor pandangan terhadap peranan gender, semakin tinggi skor tahap kebimbangan terhadap komputer. Analisis yang dijalankan secara berasingan bagi pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan terdapat perbezaan kaitan antara pandangan terhadap peranan gender, tahap kebimbangan terhadap komputer dan corak penggunaan internet. Bagi pelajar lelaki, tiada kaitan signifikan antara pandangan terhadap peranan gender dengan tahap kebimbangan terhadap komputer (Jadual 6), namun sebaliknya dilihat bagi pelajar perempuan.

Dalam kalangan pelajar perempuan, semakin tradisional pandangan terhadap peranan gender, semakin tinggi tahap kebimbangan terhadap komputer ( $r=0.216, p < 0.05$ ). Tahap kebimbangan terhadap komputer pula mempunyai kaitan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) dengan berapa lama pelajar telah menggunakan internet. Semakin lama pelajar telah menggunakan internet, semakin rendah tahap kebimbangan terhadap komputer (Jadual 7).



Jadual 6: Korelasi antara pandangan terhadap peranan gender dan penggunaan internet dalam kalangan pelajar lelaki (n=140)

	<b>Pandangan terhadap peranan gender</b>	<b>Tempoh menggunakan internet</b>	<b>Purata penggunaan internet sehari</b>	<b>Tahap kebimbangan terhadap komputer</b>
Pandangan terhadap peranan gender		-0.032	-0.017	0.072
Tempoh menggunakan internet	-0.032		0.125	-0.102
Purata penggunaan internet sehari	-0.017	0.125		-0.175
Tahap kebimbangan terhadap komputer	0.072	-0.102	-0.175	

Jadual 7: Korelasi antara pandangan terhadap peranan gender dan penggunaan internet dalam kalangan pelajar perempuan (n=140)

	<b>Pandangan terhadap peranan gender</b>	<b>Tempoh menggunakan internet</b>	<b>Purata penggunaan internet sehari</b>	<b>Tahap kebimbangan terhadap komputer</b>
Pandangan terhadap peranan gender		0.026	-0.025	0.216**
Tempoh menggunakan internet	0.026		0.242*	-0.181*
Purata penggunaan internet sehari	-0.025	0.242**		-0.040
Tahap kebimbangan terhadap komputer	0.216**	-0.181*	-0.040	

## **PERBINCANGAN**

Perbandingan antara lelaki dan perempuan dari segi kekerapan menggunakan internet dan purata masa yang digunakan sehari, kajian ini mendapati lelaki lebih kerap dan lebih lama penggunaan internet nya berbanding perempuan. Hasil kajian ini didapati selaras dengan kajian yang dibuat oleh Jones et al. (2009). Kajiannya berkisarkan kepada sama ada bangsa dan gender mempengaruhi corak penggunaan internet dalam kalangan pelajar di kolej-kolej di Amerika Syarikat. Menurut Jones et al. (2009), hampir separuh daripada pelajar lelaki dalam kajiannya dilaporkan menghabiskan masa lebih daripada 3 jam sehari menggunakan internet, sedangkan hanya satu pertiga daripada pelajar perempuan dilaporkan berbuat demikian.

Dapatan kajian pengkaji juga menunjukkan bahawa dari segi keutamaan, baik lelaki mahupun perempuan menyatakan mendapatkan maklumat adalah tujuan utama mereka menggunakan internet. Ini sama dengan hujah Wong et al. (2008) di mana menurutnya keadaan ini mungkin boleh dijangka memandangkan responden terdiri daripada pelajar universiti dan pencarian dalam internet adalah berkaitan dengan memenuhi tugas pendidikan atau pembelajaran mereka. Dalam isu ini, kajian Wong et al. (2008) juga mendapati guru pelatih lelaki dan perempuan menggunakan internet secara umumnya untuk tujuan mencari maklumat.

Dapatan kajian pengkaji bagi jenis aplikasi internet yang digunakan oleh pelajar perempuan mendapati pelajar perempuan lebih banyak menggunakan aplikasi email berbanding lelaki dan dapatan ini adalah sama dengan apa yang ditemui oleh kajian yang dibuat oleh Jackson et.al (2001) di mana perempuan didapati lebih banyak menggunakan internet untuk menghantar e-mel dengan tujuan untuk melakukan komunikasi secara interpersonal, manakala lelaki pula lebih kerap menggunakan internet untuk mencari maklumat.

Selain daripada itu pelajar perempuan didapati lebih banyak memperuntukkan masanya dengan menggunakan rangkaian sosial terutamanya Facebook. Dapatan ini boleh dianggap seperti telah dijangkakan kerana terdapat beberapa kajian lepas yang juga menemui tren dapatan seperti ini seperti kajian yang dibuat oleh Madden dan Zickuhr (2011) mendapati perempuan lebih cenderung untuk menggunakan rangkaian sosial berbanding lelaki.

Selain daripada Facebook, dapatan kajian pengkaji juga mendapati berbanding pelajar lelaki, pelajar perempuan lebih banyak memperuntukkan masanya untuk melayari laman web yang berkaitan dengan kesihatan. Fox dan Duggan (2013) yang merupakan penyelidik daripada Pew Internet and American Life Project, turut mendapati bahawa berbanding lelaki, perempuan lebih cenderung melayari laman kesihatan untuk mengetahui sesuatu diagnosis dan kajian ini telah dijalankan terhadap 3,014 orang dewasa yang tinggal di Amerika Syarikat dan telah dijalankan menerusi temubual telefon.

Pelajar lelaki pula didapati mempunyai corak penggunaan internet yang lebih pelbagai berbanding pelajar perempuan. Terdapat 14 jenis aktiviti dalam talian yang di mana pelajar lelaki lebih kerap melakukan berbanding pelajar perempuan dan bagi pelajar perempuan hanya terdapat 4 jenis aktiviti dalam talian di mana pelajar perempuan lebih kerap melakukan dalam seminggu

berbanding pelajar lelaki. Jenis aktiviti internet yang kerap dilakukan oleh pelajar perempuan, mencari maklumat tentang agama, maklumat tentang kesihatan, maklumat berkepentingan peribadi, melayari Facebook. Manakala jenis aktiviti pelajar lelaki, mendapatkan berita tentang isu semasa, berita politik, berita sukan, memeriksa kesahihan sesuatu fakta, menonton video, memuat turun lagu dan video, permainan dalam talian, mendapatkan maklumat tentang sesuatu produk dan perkhidmatan, perancangan perjalanan dan maklumat pekerjaan. Di samping itu pelajar lelaki didapati lebih kerap menggunakan internet untuk urusan perbankan, pembelian, dan penjualan produk dalam talian, serta menyertai perbincangan dalam talian seperti forum. Dapatan kajian pengkaji didapati menyerupai dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Pew Internet and American Life Project (2005), Hasil kajian organisasi ini terhadap corak penggunaan internet lelaki dan perempuan mendapati aktiviti dalam talian lelaki juga didapati lebih pelbagai daripada perempuan. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Odell et al. (2001), berdasarkan kepada sampel 843 pelajar daripada 8 kolej dan universiti di Amerika Syarikat juga menunjukkan pelajar lelaki lebih banyak melakukan aktiviti dalam talian seperti membaca berita, bermain permainan dalam talian, mendengar dan memuat turun lagu.

Borang soal selidik *Computer Anxiety Rating Scale* (Heinssen, et al. 1987) telah digunakan untuk membuat perbandingan ukuran tahap kebimbangan terhadap komputer antara pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan kajian pengkaji menunjukkan secara amnya pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap kebimbangan yang sama, lelaki tidak mendahului perempuan dan perempuan juga tidak mendahului lelaki dan penemuan ini nampaknya memberi sokongan kepada penemuan kajian yang telah dijalankan oleh Hong et al. (2005) ke atas pelajar prasiswazah Universiti Malaysia Sarawak. Menggunakan borang *Computer Anxiety Rating Scale* (Heinssen et al. 1987) sebagai pengukur, kajiannya juga turut mendapati lelaki dan perempuan mempunyai tahap kebimbangan yang sama. Ini boleh terjadi disebabkan seperti apa yang telah dihujahkan oleh Dyck dan Smither (1994) bahawa tahap kebimbangan itu bergantung kepada berapa lama seseorang melibatkan diri dalam menggunakan komputer.

Meskipun dapatan kajian pengkaji bertentangan dengan hujah Cooper (2006) yang menyatakan bahawa golongan perempuan paling banyak dikaitkan dengan mempunyai tahap kebimbangan terhadap komputer yang tinggi berbanding lelaki, pengkaji telah menjalankan ujian korelasi antara peranan gender dan tahap kebimbangan terhadap komputer untuk menilai lebih mendalam apa yang dilaporkan oleh Cooper (2006) itu. Ternyata apa yang dilaporkan oleh Cooper (2006) ada asasnya kerana menurutnya wujudnya jurang digital dalam kalangan gender ini disebabkan perbezaan perkembangan sosial antara lelaki dan perempuan yang berlaku sejak dari kecil lagi. Dapatan kajian pengkaji mengukuhkan lagi penemuan Cooper (2006) apabila mendapati perempuan yang berperanan gender tradisional mempunyai tahap kebimbangan yang lebih tinggi terhadap komputer.

## **KESIMPULAN**

Secara umumnya kajian pengkaji mendapati peranan gender mempengaruhi corak penggunaan internet. Pelajar perempuan yang mempunyai peranan gender tradisional adalah mereka yang mempunyai tahap kebimbangan terhadap komputer yang tinggi dan ini memberi kesan kepada corak penggunaan internet mereka.

Bagi jenis aktiviti internet yang kerap dilakukan, pelajar perempuan lebih kerap menggunakan internet untuk mencari maklumat tentang agama, maklumat tentang kesihatan, mencari maklumat tentang topik berkepentingan peribadi contohnya masalah perhubungan dan untuk melayari Facebook. Pelajar lelaki pula lebih kerap menggunakan internet untuk mendapatkan berita tentang isu semasa, berita politik, berita sukan, dan memeriksa sesuatu fakta. Pelajar lelaki juga didapati lebih kerap menonton video, memuat turun lagu, video dan bermain permainan dalam talian. Di samping itu pelajar lelaki didapati lebih kerap menggunakan internet untuk urusan perbankan, pembelian, dan penjualan produk dalam talian, serta menyertai perbincangan dalam talian seperti forum. Bagi pelajar lelaki, walaupun terdapat pengaruh peranan gender terhadap corak penggunaan internet, ia bukan disebabkan oleh tahap kebimbangan terhadap komputer. Kajian yang mendalam perlu dijalankan untuk mengenalpasti faktor yang berkait dengan pengaruh gender yang mempengaruhi corak penggunaan internet.

## RUJUKAN

- Babbie, E. 2008. *The Basics of Social Research*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing.
- Baber, K. & Tucker, C. 2006. The Social Roles Questionnaire: A new approach to measuring attitudes toward gender. *Sex Roles* 54: 459-467.
- Berry, P. 2013. The impact of globalization and technology on teaching business communication: Reframing and enlarging world view, methods, and content. *American Journal of Business Education* 6(1): 57-66.
- Colley, A. & Comber, C. 2003. Age and gender differences in computer use and attitudes among secondary school students: What has changed? *Educational Research* 45(2): 155-165.
- Cooper, J. 2006. The digital divide: The special case of gender. *Journal of Computer Assisted Learning* 22(5): 320-334.
- Cooper, J. & Weaver, K.D. 2003. *Gender and Computers: Understanding the digital divide*. Mahwah, N.J.: Erlbaum.
- Dyck, J.L. & Smither, J.A. 1994. Age differences in computer anxiety: the role of computer experience, gender and education. *Educational Computing Research* 10: 33-39.
- Fallows, D. 2005. *How women and men use the Internet*. Pew Internet & American Life Project. [http://www.pewInternet.org/pdfs/PIP\\_Women\\_and\\_Men\\_online.pdf](http://www.pewInternet.org/pdfs/PIP_Women_and_Men_online.pdf) [28 Mac 2013].
- Fox, S., & Duggan, M. 2013. Health Online 2013. *Health*. [www.pewinternet.org/~media/Files/Reports/PIP\\_HealthOnline.pdf](http://www.pewinternet.org/~media/Files/Reports/PIP_HealthOnline.pdf). [2013 Mac 20]

- Heinssen, R.K., Glass, C.R., & Knight, L.A. 1987. Assessing computer anxiety: development and validation of the computer anxiety rating scale. *Computers in Human Behaviour* 3: 49-59.
- Hong, K.S., Abang, A.R., & Kuek, M.K. 2003. Students' attitudes toward the use of the Internet for learning. *Educational Technology & Society* 6(2). <http://ifets.ieee.org/periodical/6-2/5.html>. [10 Januari 2013].
- Hong K.S., Abang A.O., & Nordin, Z.S. 2005. Computer self-efficacy, computer anxiety, and attitudes toward the Internet: A study among undergraduates in Unimas. *Journal of Educational Technology and Society* 8: 205-211.
- Iskandarani, M. 2008. Effect of Information and Communication Technologies (ICT) on Non-Industrial Countries-Digital Divide Model, *Journal of Computer Science* 4(4): 315-319
- Israel, G. D. (1992). *Determining sample size*. University of Florida Cooperative Extension Service, Institute of Food and Agriculture Sciences, EDIS.
- Jackson, L.A., Ervin, K.S., Gardner, P.D. & Schmitt, N. 2001. Gender and the Internet: Women communicating and men searching. *Sex Roles* 44: 363–379.
- Jones, S., Johnson-Yale, C., Millermaier, S., Perez, F.S. 2009. US college students' internet use: Race, gender and digital divides. *Journal of Computer-Mediated Communication* 14 (2): 244-264.
- McMillan, S.J., & Morrison, M. 2006. Coming of age with the internet: A qualitative exploration of how the internet has become an integral part of young people's lives. *New Media and Society* 8: 73-95.
- Madden, M., & Zickhur, K. 2011. *65% of online adults use social networking sites: Women maintain their foothold on SNS use and older Americans are still coming aboard*. Pew Internet & American Life Project. <http://pewinternet.org/Reports/2011/Social-Networking-Sites.aspx> [20 Februari 2013].
- Munusamy, K., & Ismail, M. 2009. Influence of gender role on internet usage pattern at home among academicians. *The Journal of International Social Research* 2(9): 308-318.
- Odell, P.M., Korgen, K.O., Schumacher, P., Delucchi, M. 2000. Internet use among female and male college students. *CyberPsychology & Behavior* 3(5): 855–862.
- Selwyn, N. 2004. Reconsidering political and popular understandings of the digital divide. *New Media & Society* 6(3): 341-362.
- Servon, L.J. 2002. *Bridging the Digital Divide* Oxford: Blackwell Publishing.

Wong, S.L., Sidek A.A., Mohd Yunus, A.S., Sidek, Z., Abu Bakar, K., Meseran, H., & Atan, H. 2008. Gender differences in ICT competencies among academicians at Universiti Putra Malaysia. *Malaysian Online Journal of Instructional Technology (MOJIT)* 2(3): 62-69.